

SET B
BAHASA MELAYU
2 jam



02/2

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

MODUL PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2013

BAHASA MELAYU KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B**, **Bahagian C** dan **Bahagian D**.*
2. ***Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian : **Bahagian A(i)** dan **Bahagian A(ii)**. Anda dikehendaki supaya menjawab **kedua-dua bahagian** tersebut. **Bahagian B** dan **Bahagian D** juga mesti dijawab manakala **Bahagian C** mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab **satu** soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab **Bahagian A**, 25 minit untuk **Bahagian B**, 45 minit untuk **Bahagian C** dan 10 minit untuk **Bahagian D**.*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A(i) – Ringkasan

[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **cara-cara berjimat cermat**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Amalan berjimat cermat merupakan amalan yang mulia dan seharusnya dipraktikkan sepenuhnya oleh masyarakat Malaysia, apatah lagi dengan keadaan harga barangan yang semakin meningkat. Ramai daripada kita boros dalam berbelanja. Sikap berbelanja tanpa kawalan ini akhirnya akan menyusahkan diri dan keluarga. Oleh itu, langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil untuk menanamkan sikap berjimat cermat dalam kalangan masyarakat. Amalan menabung wajar diterapkan dalam kalangan kanak-kanak bagi memberi pendedahan sejak usia awal terhadap pengurusan kewangan.

Sebenarnya amalan berjimat cermat dalam sesebuah keluarga banyak bergantung pada sikap ibu bapa. Mereka haruslah menyediakan belanjawan kewangan keluarga. Melalui belanjawan kewangan, perbelanjaan dapat dikawal. Ketiadaan belanjawan kewangan akan menyebabkan ibu bapa membeli apa-apa sahaja yang difikirkan menarik tanpa menyedari tabungan semakin berkurangan. Malah, ibu bapa perlu merancang kewangan untuk masa depan anak. Ramai daripada kita suka makan di luar atas alasan masing-masing sibuk bekerja. Amalan tersebut tidak salah, tetapi perlulah berpada-pada. Oleh itu, ibu bapa dicadangkan masak sendiri di rumah untuk makanan keluarga. Air tangan ibu atau isteri akan mengikat kasih sayang antara keluarga dan lebih terjamin kebersihannya.

Selain itu, ibu bapa harus menyediakan bekalan makanan untuk anak-anak ke sekolah. Makanan yang disediakan oleh ibu bapa lebih terjamin kebersihannya. Hal ini dapat mengelakkan anak-anak daripada terkena keracunan makanan. Justeru, duit yang diijamatkan oleh anak-anak itu boleh dijadikan simpanan pada masa hadapan dan digunakan ketika kecemasan. Dalam pada itu, ibu bapa juga boleh berkongsi kenderaan ke tempat kerja. Walaupun harga minyak telah turun, namun amalan berjimat cermat akan sentiasa menguntungkan kita. Secara langsung, amalan berkongsi kereta itu dapat mengurangkan pencemaran udara dan mengurangkan kesesakan lalu lintas, terutamanya di kawasan bandar.

Ketika membeli-belah pula, kita perlu membuat perbandingan harga terlebih dahulu. Amalan ini amat penting kerana kadangkala terdapat perbezaan harga di kedai-kedai walaupun barang yang dijual adalah sama dari segi jenis dan kualitinya. Dalam *situasi ekonomi yang merosot* kini, kita tidak perlu terlalu berkira tentang jenama barangan yang ingin dibeli. Sebaik-baiknya kita mengelakkan daripada membeli barangan berjenama. Oleh yang demikian, pelbagai pihak wajar memainkan peranan agar amalan berjimat cermat menjadi budaya masyarakat kita setiap masa tanpa mengira peringkat umur.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana
“Generasi Muda Perlu Diterap Cara Berhemat Urus Kewangan”,
oleh Jami'ah Shukri, *Berita Harian*, 23 Mac 2010

Bahagian A(ii) – Pemahaman

[10 markah]

Berdasarkan petikan **Bahagian A(i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat-ayat sendiri.

- 1 Berikan maksud rangkai kata *situasi ekonomi yang merosot*. [2 markah]

- 2 Berdasarkan petikan, nyatakan faktor-faktor yang menyumbang berlakunya pembaziran dalam berbelanja. [4 markah]


- 3 Pada pendapat anda, apakah peranan pihak sekolah untuk memupuk amalan berjimat cermat dalam kalangan murid? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Bahagian B

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **faedah-faedah amalan membaca**. Panjangnya huraian anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.



02/2

Bahagian C

[40 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 180 patah perkataan**.

- 1 Anda telah menghadiri majlis rumah terbuka sempena perayaan sesuatu kaum yang diadakan di kawasan tempat tinggal anda.

Perihalkan suasana kemeriahan majlis tersebut.

- 2 Kualiti perkhidmatan kantin sekolah anda didapati kurang memuaskan. Anda mempunyai beberapa cadangan untuk dikemukakan kepada pihak sekolah bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kantin tersebut.

Tulis sepucuk surat kepada pihak sekolah dengan mengemukakan cadangan-cadangan tersebut.

- 3 Ibu bapa memainkan peranan penting dalam membantu anak-anak membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan.

Bincangkan pernyataan di atas.

- 4 Pertanian merupakan sektor yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat untuk diceburi.

Huraikan usaha-usaha untuk memajukan sektor pertanian di Malaysia .

- 5 Peribahasa *sediakan payung sebelum hujan* bermaksud hendaklah bersiap sedia sebelum terjadi sesuatu yang kurang baik.

Tulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa tersebut.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian D

[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.

- (i) 6:20 karya Siti Jasmina Ibrahim

Masyarakat yang prihatin terhadap orang lain

Berdasarkan novel yang anda kaji di Tingkatan 3, berikan **tiga contoh peristiwa** yang menunjukkan latar masyarakat tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT